

Anwar enggan layan dakwaan ada gerakan tumbang kerajaan

Selangor: Datuk Seri Anwar Ibrahim enggan melayan dakwaan cubaan menumbangkan Kerajaan Perpaduan kerana beliau mahu menumpukan soal bekerja memimpin negara.

“Tak perlu komen. Saya kerja, kalau ada kes isu besar saya jawab,” katanya ketika diminta mengulas dakwaan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor kelmarin, kononnya Perikatan Nasional (PN) sudah mempunyai jumlah akuan bersumpah (SD) yang cukup untuk menumbangkan Kerajaan Perpaduan.

Anwar ditemui selepas meras-

mikan Simposium Tata Kelola Baik Nasional 2024, di sini, semalam.

Muhammad Sanusi yang juga Ketua Pengarah Pilihan Raya PN bagaimanapun tidak memaklumkan secara terperinci, termasuk jumlah SD yang kononnya sudah diperoleh itu.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menegaskan SD tidak lagi sah untuk melakukan gerakan ‘tebuk atap’ kerana adanya Akta Anti Lompat Parti atau Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 (Akta A1663).



Anwar merasmikan Program Simposium Tata Kelola Baik Nasional 2024 di Sepang, semalam. Turut kelihatan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali (dua dari kiri); Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki (kanan); Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi dan Peguam Negara, Datuk Ahmad Terrirudin Mohd Salleh (dua dari kanan). (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)